

LASKAR ALAM

MODUL PEMBUDAYAAN KELESTARIAN ALAM

009595
AS

Penyunting

Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar | M. Fakhurrrazi Ahmad | Rohaiza Rokis

LASKAR ALAM

MODUL PEMBUDAYAAN KELESTARIAN ALAM

Penyunting

Mohd Khairul Ridwan Adhha Akhbar | M. Fakhurrrazi Ahmad | Rohaiza Rokis



PUSTAKA PERDANA



1012802



Diterbitkan oleh International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, Jalan Ilmu, Off Jalan Universiti, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-79569188

©*International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia*, 2019.

Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semua atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian, tanpa keizinan bertulis daripada IAIS Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

LASKAR ALAM : MODUL PEMBUDAYAAN KELESTARIAN ALAM /

Penyunting: Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhlar, Rohaiza Rokis,
M. Fakhurrrazi Ahmad.

ISBN 978-967-16786-3-3

1. Sustainable development--Malaysia.
2. Environmental management--Malaysia.
3. Environmental protection--Malaysia.
4. Malaysia--Environmental conditions.
5. Government publications--Malaysia.

I. Mohd. Khairul Ridhwan Adhha Akhlar.

II. Rohaiza Rokis.

III. M. Fakhurrrazi Ahmad.

363.7009595

Diurus-cetak oleh:

Vinlin Press Sdn Bhd,

Jalan Meranti Permai 1, Meranti Permai Industrial Park,
47100 Puchong, Selangor.

363.7009595

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR.....	vi
PENGENALAN.....	x
PRAKATA.....	xiii
TAHAP 1: ASAS	3
I. OBJEKTIF.....	3
II. GAGASAN LASKAR ALAM.....	4
A. <i>Baldah Tayyibah</i> (Negara Yang Baik)	5
B. <i>Khayra Ummah</i> (Umat yang Terbaik)	11
C. <i>Ulul Albab</i> (Golongan Berakal).....	12
D. Laskar Alam	16
III. PENCIPTAAN	19
A. Tuhan	19
B. Alam.....	20
C. Manusia	21
D. Sains dan Teknologi	21
IV. SISTEM PENGURUSAN (<i>TADBIR</i>)	23
A. Tuhan – Alam.....	23
B. Tuhan – Manusia	25
C. Manusia – Alam	26
D. Manusia Sebagai Pentadbir.....	26
V. INTERAKSI MEMBINA HUBUNGAN.....	27
A. Alam dengan Alam	27
B. Manusia dengan manusia.....	28
C. Manusia dengan Alam	29
D. Hubungan Agama dan Budaya dengan Alam	30
1) Agama dengan Alam	30
2) Budaya dengan Alam	31
VI. BUDAYA KELESTARIAN ALAM.....	33
A. Negara Mampan.....	33
B. Masyarakat Lestari	36
C. Matlamat-matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).....	38
D. Wira Alam	40

VII. SITUASI DAN PERKEMBANGAN SEMASA	42
A. Indeks Prestasi Alam Sekitar.....	43
B. Perubahan Iklim dan Pemanasan Global.....	44
C. Penyahutanan dan Degradasi Tanah.....	46
D. Kehilangan dan Pencemaran Air.....	48
E. Pencemaran Plastik.....	50
F. Kemunculan Isu-Isu dan Usaha Penyelesaian.....	52
VIII. HARAPAN MASA HADAPAN	53
A. Kebijaksanaan Persekitaran.....	53
B. Manusia Sebagai Kuncinya.....	56
C. Peranan.....	60
1) Pesan Agama.....	60
2) Budaya Yang Baik.....	64
Nota Hujung.....	67
Penghargaan Gambar.....	70
TAHAP 2: PENGAMAL	75
I. OBJEKTIF	75
II. PENGISIAN	76
A. Teologi Persekitaran.....	76
1) Enam (6) Prinsip Kebijaksanaan Persekitaran.....	76
B. Ilmu Kelestarian.....	88
1) Kepelbagaian Ekosistem.....	88
2) Perbezaan Ekosistem.....	90
C. Akhlak Persekitaran.....	95
1) Gaya Hidup Lestari.....	95
2) Prinsip Gaya Hidup Lestari.....	96
III. ASAS KEFAHAMAN	106
A. Edible Garden.....	106
B. Kompos.....	109
IV. PENUGASAN	111
A. Penugasan.....	111
B. Soalan.....	112
V. PEMBACAAN	113
A. Buku.....	113
B. Laman Sesawang.....	113

C. Klip Video.....	113
Nota Hujung	114
Penghargaan Gambar	114
TAHAP 3: PENDIDIK	119
I. OBJEKTIF.....	119
II. PENGISIAN.....	120
A. Teologi Persekitaran	120
1) Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar	120
2) Ibadah Soleh Persekitaran.....	144
B. Ilmu Kelestarian.....	154
1) Teknologi Hijau	154
2) Biomimikri	160
C. Akhlak Persekitaran	167
1) Pendidikan Alam Sekitar	167
2) Konservasi.....	176
III. ASAS KEFAHAMAN.....	181
A. Pertanian Lestari (<i>Sustainable Agriculture</i>)	181
B. Ekonomi Edaran.....	189
C. Komunikasi Dakwah Persekitaran	195
D. Media.....	201
1) Advokasi	202
2) Isi dan Dokumentasi.....	202
3) Alat Dakwah (<i>Tools</i>).....	202
IV. PENUGASAN	206
A. Penugasan	206
B. Soalan	207
V. PEMBACAAN	207
A. Buku.....	207
B. Laman Sesawang.....	208
C. Klip Video.....	208
Nota Hujung	209
Penghargaan Gambar	213

TAHAP 4: PEMIMPIN	217
I. OBJEKTIF.....	217
II. PENGISIAN.....	218
A. Teologi Persekitaran	218
1) Hima dan Pengembangannya.....	218
2) Waqaf dan Alam Sekitar.....	225
3) Model Waqaf Lestari: Waqaf Saidina Uthman ﷺ	231
B. Ilmu Kelestarian.....	233
1) Penjagaan Alam Sekitar Menurut <i>Maqasid Al-Syari'ah</i>	233
2) Fatwa Mengenai Alam Sekitar	236
3) Dasar dan Perundangan Alam Sekitar di Malaysia	238
4) Perjanjian dan Konvensyen Alam Sekitar Peringkat Antarabangsa.....	240
5) Model Bandar Lestari.....	242
C. Akhlak Persekitaran	243
III. ASAS KEFAHAMAN	247
A. Budaya Penyelenggaraan dan Pemantauan Alam Sekitar	247
B. Penyelenggaraan dan Pemantauan	248
C. Model Masjid Hijau: Masjid Raja Haji Fisabilillah Cyberjaya.....	249
IV. LATIHAN KEMAHIRAN	252
A. Penugasan	252
B. Soalan	252
V. PEMBACAAN	252
A. Rujukan.....	252
B. Laman Sesawang.....	253
Nota Hujung	254
Penghargaan Gambar	255
PANEL MODUL	256



KATA PENGANTAR

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kemajuan sains dan teknologi yang telah dicapai oleh umat manusia pada zaman moden membolehkan mereka menyaksikan wajah planet bumi dari angkasa lepas. Betapa indahnya kelihatan bumi dari sana! Sesungguhnya, planet bumi adalah planet yang terindah! Keindahannya itu lantaran sifatnya sebagai planet yang hidup. Kepelbagaian hidup-hidupan (*biodiversity*) mendiaminya dan menghiasi permukaannya, lalu menjadikannya permai kehijau-hijauan. Bumi adalah satu-satunya planet hijau. Hijau adalah lambang kehidupan. Kebetulan pula, warna hijau adalah juga warna lambang bagi agama Islam. Dari segi metafizik, kepelbagaian hidup-hidupan di muka bumi (*terrestrial biodiversity*) dengan segalaindahannya adalah bayangan *heavenly or celestial biodiversity* atau kepelbagaian hidup-hidupan di taman-taman syurga Ilahi (*jannatandhawata afnan*) yang jauh lebih hakiki dan lebih indah lagi menenangkan seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran (Surah al-Rahman, Ayat 46 – Ayat 48).

Ilmu Sains sudah sampai ke suatu tahap kemajuan dan pencapaian sehingga mampu untuk memberitahu kita banyak perkara tentang keistimewaan-keistimewaan planet bumi kita berbanding dengan planet-planet lain bukan sahaja yang terdapat dalam sistem suria kita malahan juga yang terdapat di sistem-sistem suria dan galaksi-galaksi lain. Pengetahuan saintifik terkini yang tidak dimiliki oleh umat manusia di zaman dahulu memaklumkan kepada kita bahawa di seluruh alam semesta yang sudah diketahui manusia, tidak ada planet lain yang boleh menampung hidup-hidupan seperti planet bumi. Tegasnya, dalam pandangan sains kontemporari, planet bumi adalah planet yang sangat istimewa lagi unggul meskipun sebilangan ahli sains masih menaruh harapan akan tertemunya suatu hari nanti planet-

planet lain yang dihuni hidup-hidupan seperti di bumi atau mungkin juga dalam bentuk-bentuk yang berlainan.

Yang menariknya, agama Islam juga menegaskan tentang keunggulan planet bumi lama sebelum kelahiran sains moden. Penegasannya dibuat bukan berdasarkan kajian saintifik tetapi berdasarkan wahyu Ilahi yang diturunkan oleh Allah ﷻ kepada Nabi Muhammad ﷺ pada awal kurun ketujuh TM. Menurut al-Quran, planet bumi dicipta khas oleh Allah ﷻ sebagai tempat kediaman sementara (Surah al-Baqarah, Ayat 36) bagi makhluknya yang paling istimewa, iaitu manusia, untuk mereka memainkan peranan sebagai khalifah dan hambaNya sebagai persiapan untuk menempuh kehidupan kekal abadi di alam akhirat. Bagi membolehkan umat manusia menjalani kehidupan keduniaan di muka bumi ini dengan senang lenang sebagai bekalan hidup di akhirat termasuklah untuk membina tamadun dalam kerangka dwi-fungsinya sebagai khalifah dan hambaNya, maka Allah Yang Maha Pemurah dan Penyayang telah menyediakan segala-galanya yang diperlukan oleh spesis makhluk istimewa ini dengan banyaknya yang tiada terkira sehingga lebih daripada mencukupi hinggalah ke hari kiamat. Maka dari pandangan Islam, agama juga menegaskan bahawa planet bumi adalah planet yang sangat istimewa meskipun penegasan ini dibuat daripada perspektif yang berbeza. Malahan, andainya ajaran-ajaran al-Quran tentang bumi yang sangat banyak itu benar-benar difahami, maka kita akan dapat melihat bahawa Kitab suci terakhir untuk umat manusia ini telah pun menyediakan perspektif bersepadu tentang keistimewaan planet bumi di mana perspektif saintifik diintegrasikan ke dalam perspektif tawhid yang serba meliputi itu dari segi cakupan keilmuannya. Justeru itu apabila sains dan agama digandingkan sebagai sumber kembar pengetahuan tentang keistimewaan planet bumi, iaitu dua jenis pengetahuan yang sebenarnya lengkap melengkapi, manusia sepatutnya bersyukur kepada Allah ﷻ dengan benar-benar menghargai kedudukan istimewa planet hijau ini lalu bertekad untuk menjaga dan memeliharanya dengan rasa penuh tanggungjawab.

Harus disadari bahawa pengetahuan saintifik semata-mata yang membelakangkan ajaran agama tidak akan mencukupi bila-bila pun untuk membimbing manusia supaya mereka menjalani hidup yang harmonis dengan alam tabii. Ini kerana pada asasnya isu kerosakan alam sekitar dan isu penjejasan keseimbangan ekologi bumi bukanlah isu saintifik. Sebenarnya, isu ini adalah isu kemanusiaan yang di luar bidang kuasa sains dan teknologi untuk menyelesaikannya. Tegasnya, masalah-masalah besar ini di zaman kita sebenarnya berpunca daripada perbuatan fasad manusia sendiri terhadap alam tabii. Perbuatan fasad yang dilakukan oleh sebilangan manusia ini yang boleh disifatkan sebagai golongan perosak dan pemusnah alam tabii adalah akibat sifat dan perangai buruk dan tidak bertanggungjawab mereka. Sifat tamak haloba dan gaya hidup materialistik yang keterlaluan sesetengah manusia menyebabkan perebutan penggunaan sumber alam pada tahap yang tidak sejajar dengan perjalanan hukum alam sendiri. Hubungan harmonis antara manusia dengan alam sekitar hanya boleh tercapai sekiranya cara dan gaya hidup mereka menjiwai semangat kesederhanaan atau *wasatiyah* seperti yang dianjurkan oleh al-Quran.

Manusia akan hanya menjaga dan memelihara planet bumi ini dengan baik dan rasa bertanggungjawab sekiranya mereka benar-benar menyedari peranan dan tanggungjawab bersama mereka sebagai khalifah dan hamba Allah ﷻ di muka bumi. Perlantikan manusia sebagai khalifah atau wakil Allah ﷻ di muka bumi menuntutnya memainkan peranan sebagai pemelihara dan pelindung alam tabii. Sepatutnya tidak berlaku konflik antara pembangunan tamadun manusia dan pemeliharaan alam tabii. Adalah wajar ditegaskan bahawa pembangunan tamadun manusia dalam ertikata yang sebenar adalah pembangunan yang mengharmonikan antara pembangunan kebendaan dan kemanusiaan dan penggunaan sumber alam secara yang terkawal demi memelihara kesihatan ekologi bumi.

Peranan utama agama dalam memastikan terpeliharanya kesihatan ekologi planet bumi ialah dengan menyediakan nilai-nilai *wasatiyah* untuk pembangunan ketamadunan untuk dihayati oleh

manusia. Agama juga menyediakan Syariat sebagai sumber lengkap peraturan hidup manusia termasuklah yang meliputi aspek hubungan saling bergantung antara manusia dengan alam yang memungkinkan tercapainya penghayatan nilai-nilai *wasatiyah* berkenaan. Agama Islam adalah sumber terbaik etika alam sekitar bagi umat manusia. Malangnya, orang-orang Islam sendiri tidak menyedari atau telah mengabaikan aspek ajaran Islam yang sangat penting ini. Kepekaan terhadap usaha menjaga dan memelihara kesihatan ekologi bumi sebagai suatu tanggungjawab keagamaan dan bukan sekadar tanggungjawab sosial harus mendapat penekanan dalam kehidupan manusia zaman sekarang.

Peranan sains pula ialah sebagai sumber maklumat kepada manusia tentang pelbagai bentuk gangguan dan ancaman perbuatan manusia terhadap kesihatan bahagian-bahagian tertentu muka bumi dan terhadap kesihatan ekologi planet bumi pada keseluruhannya. Manusia sering melanggar batasan-batasan (*hudud*) yang Allah ﷻ telah tetapkan bagi perjalanan alam tabii kononnya bagi tujuan pembangunan untuk kebaikan manusia. Tetapi yang disangkakan kebaikan itu sebenarnya adalah perbuatan fasad dan mereka ini yang menggelar diri sendiri sebagai pembangun dan pemaju sebenarnya pula merupakan pencabul *hudud* Allah ﷻ yang berkuat kuasa dalam alam tabii. Dalam alam ciptaan Allah ﷻ setiap perbuatan akan membawa akibat sama ada dengan serta merta atau pun dalam tempoh tertentu. Pencabulan manusia terhadap *hudud* Allah ﷻ sama ada dalam alam masyarakat atau alam tabii akan pasti membawa akibat yang memudaratkan manusia sendiri. Antara lainnya, alam tabii akan bertindak balas terhadap pencabulan manusia seperti dengan cara mengakibatkan apa yang biasa disebut oleh manusia sendiri sebagai bencana alam.

Sebenarnya, ilmu sains dewasa ini sudah pun dapat mengenali bahaya-bahaya yang mengancam kesihatan ekologi bumi. Para saintis sudah lama menyuarakan kebimbangan terhadap kesihatan planet bumi yang kian merosot dengan bertambahnya gejala-gejala tidak sihat yang berpunca daripada pembangunan yang berlebih-

lebih bukan oleh dan untuk umat manusia seluruhnya tetapi oleh dan untuk yang sudah maju dan kaya raya. Gejala perubahan iklim yang heboh diperkatakan sekarang ini adalah yang terbaru. Dengan berdasarkan pengetahuan terkini tentang ekologi bumi ini, negara-negara sudah mempunyai alasan kuat untuk menggubal kod etika dan undang-undang alam sekitar yang komprehensif, khasnya bagi tujuan mendakwa para perosak dan pemusnah alam dan penjenayah alam dalam semua kategori pada amnya. Dari perspektif *maqasid al-shari'ah*, jenayah melakukan fasad atau kerosakan dan pemusnahan terhadap alam tabii boleh dianggap sebagai jenayah yang amat berat kerana ia menggugat kemuliaan *maqasid* tersebut yang paling asasi. Bagi jenayah seperti ini, mangsanya bukan seorang dua manusia tetapi bilangan yang sangat besar. Sekali lagi kita bersedih kerana negara-negara Islam tidak berada di barisan hadapan dalam memperjuangkan etika dan undang-undang alam sekitar yang berjiwakan ajaran *maqasid al-shari'ah* yang terdapat dalam agama Islam tetapi yang Allah ﷻ tujukan kepada semua manusia.

Kita mendoakan semoga akan muncul daripada generasi muda satu barisan penggerak yang akan menggabungkan tenaga intelek dan kelincahan gerak kerja bagi tujuan menimbulkan kesedaran yang mendalam tentang kepentingan kesihatan ekologi planet bumi serentak dengan bergiat cergas untuk membendung pelbagai bentuk jenayah alam yang kita saksikan sekarang ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para editor bersama buku ini kerana berjaya menerbitkan sebuah karya yang saya kira agak istimewa dan relevan kepada usaha membanteras jenayah alam sekitar masa kini dan di masa akan datang. Karya ini istimewa dan menarik kerana ia menggabungkan pembicaraan dimensi teori dan dimensi amali isu alam sekitar dan mengintegrasikan kedua-duanya dalam kesatuan fikrah yang berasaskan ajaran-ajaran Islam. Karya ini menggabungkan sumbangan pemikiran para editor bersamanya yang mewakili disiplin-disiplin akademik yang berbeza selaras dengan tuntutan diskusi isu alam sekitar itu sendiri yang bersifat antara disiplin. Saya juga gembira melihat

karya ini sebagai hasil kerja usahasama beberapa buah pertubuhan dan institusi akademik dan agama serta badan kerajaan dan bukan kerajaan yang mempunyai wawasan dan tekad yang sama untuk memainkan peranan sebagai khalifah dan hamba Allah ﷺ di muka bumi dengan memanfaatkan gabungan hikmah Ilahi dan ilmu manusiawi. Menerusi penghayatan dwi-fungsi manusia inilah kita menaruh harapan besar yang kita umat manusia hari ini akan dapat mewariskan planet bumi ini dalam keadaan yang baik kepada generasi-generasi akan datang insya Allah. *Wa bi'Llah al-tawfik wa'l-hidayah, wa bihi nasta'in.*

Osman Bakar, PhD

Profesor Ulung dan Peyandang Kursi Al-Ghazali Bagi Pemikiran Islam
ISTAC-IIUM

31 Oktober 2019/3 Rabiulawal 1441



PENGENALAN



RIMBA merupakan sebuah badan penyelidikan di Malaysia yang memfokuskan kajiannya terhadap sains pemeliharaan alam sekitar. Kajian yang dijalankan dihubungkan dengan pihak penggubal polisi dan pengurus alam semulajadi untuk membantu perlindungan dan pengurusan biodiversiti di Semenanjung Malaysia. Usaha yang dijalankan bersifat inklusif dan kolaboratif dan berfungsi sebagai makmal maya kepada para pemegang taruh. RIMBA ditubuhkan pada November 2010 sebagai sebuah syarikat penyelidikan tidak berasaskan keuntungan dan pada 30 Disember 2016, ia secara rasminya didaftarkan sebagai sebuah badan NGO di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia.



Grup Alam Sekitar ABIM atau GRASS Malaysia telah ditubuhkan secara rasmi pada 22 September 2014 sempena Muktamar ABIM Pusat kali ke-43 di Sabah. Ini adalah bukti kesungguhan ABIM dalam mendidik generasi muda dan masyarakat untuk memperjuangkan isu-isu alam sekitar di Malaysia dan di peringkat global. Agenda alam sekitar bukanlah suatu yang asing kepada ABIM kerana usaha ini telah dimulakan sejak zaman penubuhannya lagi. GRASS Malaysia menganjurkan latihan dan aktiviti berterusan yang selaras dengan kehidupan kelestarian alam (sustainable living). Harapan GRASS agar konsep *dakwah bil hal* melalui agenda alam sekitar akan diterima sebagai amal jariah oleh Allah ﷻ.

Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia merupakan sebuah institut kajian yang didedikasikan khas untuk penyelidikan akademik serta penghasilan polisi dan dasar yang berkaitan dengan Islam dan isu-isu kontemporari. Institut ini dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia ke lima, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi pada Oktober 2008. IAIS Malaysia turut terlibat dengan aktif dalam penyelidikan berkaitan alam sekitar, teknologi hijau dan pembangunan lestari dari perspektif Islam. Institut ini telah menganjurkan Seminar Antarabangsa Islam dan Teknologi Hijau (i-Green) pada 2016 dan 2017 serta menerbitkan modul 'Islam dan Pemeliharaan Sungai' untuk masyarakat Malaysia. IAIS Malaysia komited untuk bekerjasama dengan pelbagai institusi dan organisasi dalam agenda kelestarian demi kepentingan sejagat.



Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (SOCA IIUM) telah berperanan sebagai fasilitator/pelatih menjayakan penganjuran dua siri Bengkel Da'i Konservasi Terengganu bertempat di Empangan Kenyir, Terengganu. Seterusnya, SOCA IIUM sebagai konsultan program bersama dengan RIMBA telah berbincang dengan Timbalan Mufti di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT), Daerah Hulu Terengganu dalam usaha menyarankan kesedaran pemeliharaan alam sekitar kepada para jemaah masjid seluruh Negeri Terengganu melalui khutbah Jumaat. SOCA IIUM turut menggembleng usaha menyelaras gerak kerja bersama RIMBA, GRASS Malaysia dan IAIS Malaysia dalam operasi penerbitan modul ini. Seterusnya bersama IAIS Malaysia, SOCA IIUM menambahbaik serta menyunting manuskrip asal yang disediakan oleh GRASS Malaysia bagi memberikan kemasan, perincian dan ketepatan fakta menurut kehendak sudut penerbitan.



Pusat Latihan Pembangunan dan Aktiviti Pelajar, Universiti Selangor (COMNET UNISEL) menerima pelawaan dari GRASS Malaysia dan RIMBA bagi menganjurkan bengkel penulisan modul pemeliharaan alam semulajadi dan hidupan liar di Malaysia kepada para da'i/mualim/petugas agama, yang bertempat di UNISEL. Pengendalian bengkel selama dua hari tersebut telah mengumpulkan beberapa aktivis pemeliharaan alam sekitar dari pelbagai agensi utama sebagai ahli panel. Hasil perbincangan dan penulisan dari bengkel tersebut telah melahirkan manuskrip asal sebelum ianya diterjemahkan kepada bentuk yang tersedia seperti sekarang, iaitu *LASKAR ALAM: Modul Pembudayaan Kelestarian Alam*.

PRAKATA

Islam adalah agama yang syumul. Ajarannya menyentuh pelbagai perkara dalam kehidupan merangkumi perundangan, pendidikan, kekeluargaan, politik, ekonomi dan lain-lain. Namun begitu, terdapat aspek lain di dalam Islam yang jarang dibincangkan meskipun kepentingannya merentasi zaman, bukan sahaja terhadap dunia Islam bahkan juga kepada alam sejagat. Malah di kalangan umat Islam sendiri, aspek yang sangat berharga ini jarang sekali diketengahkan. Aspek yang dimaksudkan itu ialah falsafah dan amalan Islam terhadap ekologi dan persekitaran.

Islam adalah cara hidup yang datangnya dari Ilahi. Sebagai pencipta alam dan manusia, Tuhan menjadikan cara hidup Islam yang perlu diamalkan oleh manusia itu serasi dan harmoni dengan alam semulajadi. Tidak mungkin Tuhan meletakkan cara hidup yang diredhai-Nya itu bertentangan dengan aturan alam ciptaan-Nya. Oleh kerana itu, memeluk Islam secara kaffah bererti memegang teguh tanggungjawab hakiki untuk memakmurkan bumi dan seluruh isinya.

Alam yang diciptakan lebih awal sebelum kejadian manusia kini berada dalam keadaan semakin merosot dan membimbangkan. Manusia yang dikurniakan akal nampaknya tidak bertindak sesuai dengan kebijaksanaan yang terhasil daripada akalnya. Pelbagai krisis yang berlaku seperti pemanasan global, perubahan iklim yang tidak menentu, kadar kepupusan yang semakin tinggi, kekerapan bencana alam, kemusnahan hutan-hutan, tanah-tanah yang tandus kontang dan kekeringan sumber air. Kesemuanya merupakan tindak balas alam semulajadi terhadap segala aktiviti manusia. Dalam pada kita meneroka dan memanfaatkan bumi dan alamnya, tanpa sedar kita telah mengabaikan dan merosakkannya tanpa boleh berpatah balik.

Bumi sejak dari awal penciptaannya telah ditetapkan oleh Tuhan sebagai tempat untuk manusia menjalani kehidupan. Bumi adalah satu-satunya planet dalam sistem solar yang mempunyai kepelbagaian biodiversiti yang berhubungan dengan manusia. Interaksi antara ekosistem sejak turun temurun telah membolehkan manusia membina tamadun-tamadun yang unggul dan moden. Namun kebanyakan daripada kita tidak menghargai hubungan yang telah wujud selama ini.

Krisis sebenar yang dialami oleh kita bukanlah pemanasan global, kemusnahan alam sekitar atau perubahan iklim. Masalah sebenar adalah disebabkan oleh kita sendiri, hasil perbuatan tangan-tangan kita serta penyimpangan pemikiran dan tindak tanduk kita ke atas alam semulajadi.

Kerana itulah kita memerlukan kebijaksanaan ekologi yang menjadi asas utama kepada perubahan pemikiran dan amalan. Kita juga hendaklah memahami peranan sebagai hamba Tuhan dan khalifah dengan mentadbir, mengurus serta mengelola segala sumber alam menurut kehendak Tuhan serta bertepatan dengan ekosistem.

Usaha melahirkan generasi yang memiliki kesedaran persekitaran memerlukan kepada sekelompok penggerak yang menyeru ke arah kelestarian. Menyedari hakikat ini, maka inisiatif melahirkan Laskar Alam di kalangan ummah telah dicetuskan. Idea untuk melahirkan Gagasan Laskar Alam ini bermula dengan kajian saintifik di Taman Negara Terengganu oleh RIMBA yang menumpukan terhadap pemeliharaan alam sekitar dan hidupan liar di negeri tersebut. Bagi meraih perhatian dan sokongan daripada masyarakat setempat di negeri kajian tersebut yang majoritinya beragama Islam, pendekatan yang diambil ialah dengan mengetengahkan prinsip-prinsip dan sudut pandangan Islam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Bagi membangunkan usaha ini, kerjasama yang baik telah diberikan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu di mana Fatwa Larangan Memburu Hidupan Liar telah dikeluarkan. Fatwa ini adalah yang pertama seumpamanya di seluruh Malaysia. Namun begitu, dokumen

bertulis ini hanya bertindak sebagai bahan maklumat dan satu strategi amat diperlukan bagi membantu penyebaran maklumat tentang fatwa tersebut kepada masyarakat setempat.

Justeru, kerjasama diteruskan dengan Jabatan Mufti Negeri Terengganu serta dua lagi pihak iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) bagi membincangkan cara-cara terbaik untuk membantu usaha ini.

Pada tahun 2017, satu seminar telah dianjurkan bagi tujuan penerangan dan perbincangan berkaitan fatwa dan isu-isu berkaitan pemburuan hidupan liar di Terengganu. Seminar ini dihadiri pegawai-pegawai daripada MAIDAM, JHEAT dan Jabatan Mufti Terengganu. Seminar ini menjadi titik permulaan dalam melahirkan Program Da'i Konservasi Terengganu.

Pada tahun yang sama, satu bengkel telah dianjurkan sebagai satu kesinambungan daripada kerjasama yang telah dipupuk semasa seminar yang dianjurkan sebelum ini. Bengkel ini memberi tumpuan kepada da'i, mualim dan petugas agama dari daerah Hulu Terengganu (daerah yang paling dekat dengan kawasan kajian iaitu Taman Negara Terengganu). Para peserta adalah mereka yang berurusan terus dengan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti seperti tazkirah dan ceramah mingguan. Bengkel ini dianjurkan bagi memberi maklumat tentang fatwa yang telah dikeluarkan dan isu-isu berkaitan pemburuan hidupan liar kepada para peserta dengan harapan maklumat-maklumat tersebut boleh disampaikan kepada masyarakat setempat. Antara isi-isi bengkel ini adalah maklumat saintifik daripada kajian yang dilakukan oleh RIMBA, maklumat perundangan yang telah ditetapkan Jabatan PERHILITAN, maklumat fatwa daripada Jabatan Fatwa Terengganu, komunikasi berkesan oleh wakil Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan kajian kes daripada wakil Universitas Nasional Indonesia.

Berdasarkan pengalaman daripada bengkel dan seminar yang dianjurkan, terdapat keperluan untuk mewujudkan satu dokumen

panduan bagi memaklumkan para pelatih dan peserta yang berminat dengan pendekatan pemeliharaan hidupan liar dan alam sekitar daripada sudut pandangan Islam. Hal ini didorong oleh kekangan sumber, tenaga kerja serta dan isu kesinambungan bagi pendekatan ini di kawasan-kawasan lain. Justeru, RIMBA dengan kerjasama Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (SOCA IIUM), Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) dan Pusat Latihan Pembangunan dan Aktiviti Pelajar, Universiti Selangor (COMNET UNISEL) telah menganjurkan satu bengkel pembangunan modul latihan bagi memberi penyelesaian untuk isu ini.

Draf bagi modul latihan ini telah digunakan semasa satu lagi bengkel latihan bersama da'i, mualim dan petugas agama pada tahun 2018. Pelbagai maklum balas telah dikenalpasti bagi menambahbaik dokumen tersebut. Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia juga telah diundang sebagai panel untuk memperhalusi dan memberikan nilai tambah terhadap modul latihan ini dan seterusnya memainkan peranan di dalam proses penyuntingan, reka grafik serta penerbitan sebuah modul khas yang dinamakan sebagai LASKAR ALAM: Modul Pembudayaan Kelestarian Alam.

Pada tahap ini, modul latihan ini merupakan satu bentuk dokumentasi yang menawarkan pendekatan baharu yang mengetengahkan usaha-usaha pemeliharaan alam semulajadi dan hidupan liar di Malaysia serta pembudayaan kelestarian untuk semua lapisan masyarakat. Modul ini masih boleh dipertingkatkan mutunya mengikut kesesuaian dan suasana masyarakat setempat.

Sayugia, RIMBA, GRASS Malaysia, SOCA IIUM, IAIS Malaysia dan COMNET UNISEL selaku rakan kerjasama Gagasan Laskar Alam ingin menjemput pakar-pakar dan semua pemegang taruh daripada pelbagai bidang untuk membantu meningkatkan keberkesanan modul ini. Modul ini juga bakal dijadikan bahan rujukan utama bagi latihan kemahiran alam sekitar berteraskan Islam yang dirancang untuk diadakan

pada setiap tahun bagi melahirkan lebih ramai aktivis alam sekitar di kalangan masyarakat yang bakal membangunkan masyarakat lestari dan mewujudkan sebuah *balдах tayyibah*.

Pada akhirnya, tanggungjawab sebagai seorang Khalifah untuk memelihara bumi ini adalah tanggungjawab kita bersama. Oleh sebab itu, diharapkan agar penghasilan modul ini dapat menjadi satu platform perkongsian ilmu untuk saling mengingatkan sesama kita terhadap tanggungjawab besar yang telah diamanahkan oleh Allah ﷻ untuk memelihara alam ini demi manfaat kita bersama serta generasi akan datang.

Sidang Pengarang,

LASKAR ALAM: Modul Pembudayaan Kelestarian Alam

Kuala Lumpur

1 Muharram 1441/ 1 September 2019

Laskar Alam merupakan kelompok aktivis yang mencetuskan kesedaran bagi mewujudkan pengurusan dan pentadbiran alam sekitar yang baik dan berterusan. Menyedari hakikat bahawa manusia telah diamanahkan sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan bumi, usaha ini menjadi satu permulaan yang penting untuk menanamkan kefahaman yang betul mengenai alam sekitar dan pengurusannya berdasarkan sudut pandang dan prinsip-prinsip Islam. Ia juga berhasrat untuk melahirkan lebih ramai individu yang dapat memperjuangkan pemeliharaan alam sekitar serta menghidupkan budaya lestari di kalangan masyarakat.

Rituba



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
UNIVERSITI ISLAMIAH MALAYSIA



International Institute of
Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia



Diterbitkan dan diedarkan oleh:
IAIS Malaysia
Jalan Ilmu, Off Jalan Universiti
59100, Kuala Lumpur.
www.iais.org.my



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA